

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.1/2019

Tarikh : 20 Mac 2019 (Rabu)

Masa : 3.00 petang - 5.00 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor

KEHADIRAN

1. Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, - Pengerusi
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
3. Encik Lee Kang Ming,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
4. Dr. Teo Lian Seng,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon BBST Selatan
5. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
6. Encik Rushdan bin Mohamed,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana
7. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
8. Encik Yusop bin Md Dohop,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Bandar Bukit Puchong
9. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam
10. Encik Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Pinggiran Putra

11. DSP Helmi Bin Sulaiman
Ketua Bahagian Pengurusan
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang
12. Puan Haslina binti Hashim,
Ketua Pegawai,
Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Sepang
13. Almudin Bin Abd. Razam
Ketua Unit Penguatkuasa,
Agensi Dadah Kebangsaan (AADK) Daserah Sepang
14. Encik Abdul Muhaimin Bin Ismail
Penolong Pegawai Daerah,
Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Sepang
15. TPr Dr Hjh Noraziah bt Abdul Aziz,
PlanMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar Negeri Selangor)
16. Encik Hasbullah Abu Bakar,
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor
17. Encik Jerry Seuh
Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor
18. Encik Mohd Ismail Bin Mohamed Som
Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang
19. Puan Rohaya Binti Jaapar
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
20. Puan Farah Ratuwati Binti Ibrahim
Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (Daerah Sepang)
21. Encik Mohd Shah Hambali Ariffin
Energy Demand Management (EDM) Unit
Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
22. Tuan Saiful Hamiruzzaman bin Mohd Hazir
Ahli Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

TURUT HADIR

23. Puan Nor Suhaila Binti Saat
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Sepang
24. Puan Rosziana binti Basin
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
25. Encik Mohd Fahmy Bin Tumut
Pengarah, Jabatan Penilaian, Majlis Perbandaran Sepang
26. Puan Zelda binti Zamri,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sepang

27. Encik Noor Halif bin Noor Zan,
Pengarah, Jabatan Perlesenan Dan Pengurusan Penjaja,
Majlis Perbandaran Sepang
28. Cik Arefah Binti Rahim
Pengarah, Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang
29. Puan Izzaty Arina Binti Mohd Shabarudin
Penolong Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
30. Puan Afra' Fardillah Binti Zaimustapar
Penolong Pengarah, Unit Korporat Dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran
Sepang
31. Puan Norhazirah Binti Md Desa
Penolong Pengarah, Unit Undang-Undang, Majlis Perbandaran Sepang
32. Puan Husna binti Sabri
Penolong Pegawai Kesihatan, Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran
33. Encik Muhammad Arief Bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah, Unit Tender dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

34. Puan Siti Shaidatul Hanim binti Shahrudin,
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
35. Encik Mohd Adham bin Mahmood,
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
36. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
37. Puan Norlizawati Binti Samsuddin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

38. Encik Lwi Kian Keong,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon KLIA
39. Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Arked
40. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
41. Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Sepang

42. Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
43. Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang
44. Unit Pusat Setempat, Majlis Perbandaran Sepang
45. Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
46. Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
47. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
48. Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
49. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
50. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang
51. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Selangor
52. Malaysia Green Technology Corporation (Greentech)
53. Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), Menteri Besar InCorporate (MBI)

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Pengerusi

Timbalan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Tuan Pengerusi memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.3/2018

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.3/2018 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Perlaksanaan 'Bike Share' Di Cyberjaya / Daerah Sepang

Susulan penarikan operasi Bike Share oleh syarikat OFO dan Oblke daripada Malaysia, Pihak MPSepang bersama Stakeholder (Cyberview Sdn Bhd) telah meninjau 'eScooter bike electric' oleh syarikat Neuron Mobility Sdn Bhd yang telah menawarkan penggunaan e-Scooter Bike Share secara (pilot project) di Cyberjaya. Cadangan penggunaan e-Scooter ini telah dibentangkan di mesyuarat berikut :

- i) **11 Mac 2019 : Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor**
Mesyuarat dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Negeri Selangor, Y.B Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor ;
- ii) **1 Februari 2019 : Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Cyberjaya Bil.1/2019**
Mesyuarat dipengerusikan oleh Ybhg Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang

Keputusan Mesyuarat :

Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Sepang secara dasarnya tiada halangan bagi penggunaan e-Scooter BikeShare ini dan telah bersetuju dengan penggunaan e-Scooter bike secara (Pilot Project) di Cyberjaya terlebih dahulu. Walaubagaimanapun, pandangan daripada pihak JPJ perlu diambilkira. Pihak MPSepang telah mengemukakan kepada pihak JPJ pada 24 Januari 2019 bagi mendapatkan ulasan.

Pihak JPJ Negeri Selangor juga akan membuat semakan terhadap penggunaan e-Scooter bike ini.

Tindakan
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Majlis Perbandaran Sepang
Neuron Mobility (Malaysian) Sdn Bhd

3.2 Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project

Satu Mesyuarat Penyelaras akan diadakan pada 26 Mac 2019 bersama SEDA Malaysia, KDEB, GeolInfo, Jabatan Kesihatan, Unit Teknologi Maklumat dan Jabatan Perancangan Bandar. Tiga (3) aktiviti utama di bawah GTALCC ini adalah seperti berikut :

- i) Sistem 'Smart Waste Management' bagi perumahan Berbilang Tingkat. Pilot Projek di Cyberjaya (Training)
- ii) Urban Farming dan Community Garden di Cyberjaya (Promosi)
- iii) Selangor Intelligent Transport System (SITS) (Training)

Tindakan
Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Landskap
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
KDEB Waste Management
GeolInfo Services Sdn Bhd
SSDU, MBI

3.3 Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

Sesi lawatan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah diadakan pada 28 hingga 30 November 2018 dan beberapa potensi telah dikenalpasti dan cadangan ini akan dibentangkan oleh Jabatan Kejuruteraan dalam mesyuarat akan datang khususnya dari aspek 'business model' untuk pelaksanaan EPC di peringkat MPSepang.

Dalam masa yang sama juga, Jabatan Kejuruteraan telah menerima permohonan daripada dua (2) stakeholder Cyberjaya iaitu Cyberview Sdn Bhd dan Alloy Technology Sdn Bhd berkenaan 'Smart Lighting'. Pihak Jabatan Kejuruteraan dalam proses perbincangan berhubung kaedah pelaksanaan projek ini bersama 'Stakeholder' tersebut.

Tindakan
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.4 Cadangan Pelaksanaan 'Food Waste Composting' Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang ; Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MPSepang

Bengkel Training for Trainers Food Waste Composting (FWC@Sepang) dan Program Food Waste Composting ini telah dilaksanakan pada 20 Disember 2017. Keberhasilan projek ini akan dipantau oleh Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Landskap, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta.

Bagi memastikan projek ini berterusan, konsep Training for Trainers (T&T) perlu diteruskan dan satu Pelan Tindakan 'Food Waste Composting (FWC) akan disediakan dengan bantuan daripada SWCorp dan juga pihak MARDI.

Cadangan 'Insentif' kepada pengusaha Kantin atau lain-lain cadangan akan diteliti semula bagi menggalakkan lebih ramai pengusaha kantin / peniaga melaksanakan FWC ini.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Landskap
Jabatan Penilaian, Pengurusan Kantin MPSepang
Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kawalan Bangunan*

3.5 Cadangan Kajian Kesejahteraan Penduduk Daerah Sepang oleh Universiti Islam Malaysia (UIM) dan MPSepang

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan kaji selidik kesejahteraan bandar ini. Walaubagaimanapun, segala kos membiayai bagi melaksanakan kajian ini adalah di bawah tanggungjawab UIM (Universiti Islam Malaysia). Pihak UIM telah diminta untuk merujuk kepada indikator-indikator pembangunan mampan di dalam Gerbang MURNInet yang telah disediakan oleh PlanMalaysia.

Tindakan

*Universiti Islam Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
Semua Jabatan*

3.6 "Detail Site Suitability and Business Model Study for on-site Waste Processing" di Bawah Komponen 3 (GTALCC) : Low Carbon Technology Investments in Cities oleh SEDA Malaysia

Kajian ini telah siap sepenuhnya dan juga telah dibentangkan semasa IGEM 2018 pada Oktober 2018 yang lalu. Tindakan selanjutnya adalah untuk mengadakan perbincangan dengan pihak KDEB atau arahan lanjut samada daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan kerana ia melibatkan sejumlah pelaburan yang tinggi. Satu Mesyuarat Penyelarasan akan diadakan pada 26 Mac 2019 bersama SEDA Malaysia, KDEB, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perancangan Bandar.

Tindakan

*Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Perancangan Bandar
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
KDEB Waste Management*

3.7 Cadangan Penilaian Bandar Rendah Karbon Bagi Zon Cyber 1, Cyberjaya Seluas 401.92 Hektar (993.16 Ekar) (Tahun 2016 - 2018) Secara 'City Based Approach' Untuk Majlis Perbandaran Sepang

- Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi pemilihan Zon / Cyber 1, Cyberjaya sebagai Pilot Projek dan seterusnya menyediakan satu (1) dokumen LCCF Cyber 1 untuk dikemukakan kepada Greentech Malaysia bagi tujuan penilaian
- Satu mesyuarat bersama pihak Greentech telah diadakan pada 7 Mac 2019 berkenaan LCCF.

- Satu sesi Bengkel/Lab bersama Greentech Malaysia akan diadakan pada 28 dan 29 Mac 2019 bagi penyediaan draf akhir dokumen LCCF Cyber 1 untuk dikemukakan kepada Greentech Malaysia bagi tujuan penilaian.
- Sehingga kini, Pasukan Kerja 'Smart SLCC' MPSepang dalam proses pengumpulan data tambahan serta dokumentasi.

Tindakan
*Pasukan Kerja 'Smart SLCC' MPSepang
Tenaga Nasional Berhad*

3.8 Status Pemantauan, Penyelenggaraan dan Operasi 32 Unit CCTV Di Bawah Projek MERS999 / Bandar Pintar Cyberjaya dan 50 Unit CCTV Di Bawah Projek Selangor State CCTV Untuk Daerah Sepang

Mesyuarat mengambil maklum status 50 CCTV di Daerah Sepang dan 32 CCTV di Cyberjaya. Keberkesanan penggunaan CCTV ini akan dibuat analisa samada membantu mengurangkan jenayah atau aliran trafik. Pihak syarikat Vads Lyfe dan pihak Polis di minta untuk membuat analisa impak atau tahap keberkesanan CCTV.

Bidang tugas pemantauan CCTV adalah seperti berikut :

- a) Penyelenggaraan/Pembaikan kerosakan CCTV : VadsLife
- b) Pengoperasian CCTV : Jabatan Penguatkuasa bersama Pihak Polis (PDRM)
- c) Pemantauan CCTV peringkat MPSepang : Unit ICT
- d) Pemantauan CCTV Peringkat Cyberjaya : Cyberview Sdn Bhd
- e) Bilik Kawalan CCTV di MPSepang : Jabatan Penguatkuasaan / ICT
- f) Bilik Kawalan CCTV di IPD Sepang : Balai Polis BBST / IPD Sepang

Keberkesanan penggunaan CCTV ini akan dibuat analisa samada membantu mengurangkan jenayah atau aliran trafik. Pihak syarikat Vads Lyfe dan pihak Polis di minta untuk membuat analisa impak atau tahap keberkesanan CCTV. Satu 'Task Force' akan dibentuk melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi akan dilaksanakan.

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju supaya 'task force' keberkesanan CCTV dilaksanakan oleh VadsLife atas dasar kontrak penyelenggaraan selama 20 tahun dengan kerjasama PDRM dan agensi teknikal yang lain.

Tindakan
*VadsLife Sdn Bhd
Jabatan Perancangan Bandar
Unit Teknologi Maklumat (ICT)
Jabatan Penguatkuasaan
IPD Sepang / Balai Polis Cyberjaya
Cyberview Sdn Bhd*

3.9 Cadangan Polisi Pengurusan Tenaga Dan Pembentukan ‘Smart Energy Committee’ (SEC MPSepang) Bagi Pelaksanaan Program Kecekapan Tenaga (Elektrik & Air) Untuk Bangunan Majlis Perbandaran Sepang Dengan Kerjasama ‘Sustainable Energy Development Authority Malaysia’ (SEDA Malaysia)

- Satu Mesyuarat telah diadakan pada 7 Mac 2019 berkenaan pemasangan panel solar di bangunan Majlis Perbandaran Sepang ke arah penurunan penggunaan tenaga elektrik secara berterusan.
- Sesi lawatan tapak telah diadakan pada 11 Mac 2019 bersama anak syarikat TNB (GSPARX) bagi melihat kesesuaian pemasangan panel solar pada bumbung MPSepang.
- Sehingga kini, pihak GSPARX dalam proses penyediaan cadangan ‘Business Plan’ yang lebih teliti kepada pihak MPSepang.

Tindakan
Smart Energy Committee MPSepang

3.10 Pelaporan Dan Penyediaan Pelan Tindakan Pelaksanaan Kebun Kejiranan, Majlis Perbandaran Sepang (2019-2025)

- Mesyuarat mengambil maklum Audit Kebun Komuniti yang dilaksanakan secara ‘in-house’ oleh Jabatan Perancangan Bandar ;
- Mesyuarat memperakukan dan menerimapai Pelan Tindakan Kebun Komuniti MPSepang (2019 - 2025)
- Mesyuarat Bersetuju Pelan Tindakan Kebun Komuniti MPSepang diedarkan kepada komuniti setempat.
- satu (1) Kertas Cadangan Pelancaran Kebun Kejiranan Desa Pinggiran Putra (*Kebun Ikon/Kebun Contoh*) akan disediakan untuk dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk Desa Pinggiran Putra, Jalan 2, Daerah Sepang tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Pejabat Daerah / Tanah Sepang dan TNB.

Tindakan
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

3.11 Pelaporan dan Penyediaan Panduan Pelaksanaan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED - Crime Prevention Through Environmental Design), Bandar Pintar dan Rendah Karbon oleh Majlis Perbandaran Sepang (2019 - 2025)

- Bersetuju terhadap penyediaan Garispanduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED), Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon, Majlis Perbandaran Sepang (2019 - 2015)
- Bersetuju memperakukan dan menerima pakai Panduan Garispanduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED), Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon, Majlis Perbandaran Sepang (2019 - 2015) dan diedarkan kepada Jabatan Teknikal dan Perunding yang terlibat.

- Satu Kertas Cadangan akan disediakan bagi Pemakaian Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED - *Crime Prevention Through Environmental Design*), Bandar Pintar (*Smart City*) dan Bandar Rendah karbon (LCCF) di peringkat permohonan Kebenaran Merancang (KM), Majlis Perbandaran Sepang

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan Teknikal MPSepang & Luaran*

- 3.12 **Cadangan Meningkatkan Tahap Kesedaran Awam Berhubung Pembangunan Bandar Pintar (*Smart City*), Kempen Cekap Tenaga & Pembangunan Mampan Melalui Hebahan Animasi Secara Kolaborasi antara Majlis Perbandaran Sepang dan Wau Animation Sdn Bhd.**

Pihak Wau Animation dalam proses penyediaan 'Rollout Plan' dan 'Costing' yang akan dikemukakan kepada pihak MPSepang selewat-lewatnya pada 15 April 2019.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar
Unit Korporat & Perhubungan Awam
Wau Animation Sdn Bhd*

- 3.13 **Cadangan Pembangunan MAEVI (*Smart Home Automation w/c Energy Efficiency Monitoring & Security*) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) Secara Kolaborasi Dengan Majlis Perbandaran Sepang Oleh MAEVi Sdn Bhd (*Anak Syarikat TNB*)**

- Satu mesyuarat bersama pihak MAEVI telah diadakan pada 7 Mac 2019 berkenaan perincian kaedah pelaksanaan 'Management Energy for Building' di bangunan MPSepang.
- Sesi lawatan tapak telah diadakan pada 11 Mac 2019 bersama anak syarikat TNB (MAEVI) bagi melihat kesesuaian sistem 'Management Energy for Building' untuk dipasang dan diintegrasikan dengan meter sedia ada di bangunan MPSepang.
- Sehingga kini, pihak MAEVI dalam proses penyediaan cadangan 'Business Plan' yang lebih teliti kepada pihak MPSepang.

Tindakan

*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEC MPSepang*

- 3.14 **Cadangan Mengatasi Tren Ketagihan Gajet Dan Internet Oleh Kick Start Academy & Self Defence Secara Kolaborasi Antara Jabatan Pendidikan Sepang, Majlis Perbandaran Sepang Dan Green Hornet Sdn Bhd / Kick Start Academy**

Satu Kertas Cadangan telah disediakan bagi mengadakan Program Pencegahan Jenayah Dan '*Policing Community*' Di Peringkat Sekolah Secara Kolaborasi Antara Jabatan Pendidikan Sepang, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Majlis Perbandaran Sepang.

Tindakan

*PDRM / IPD Sepang
Jabatan Perancangan Bandar MPSepang
Jabatan Pendidikan MPSepang
Semua Ahli Majlis*

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 KERTAS 1 : Cadangan Program 'Policing Community', Penyediaan Ruang (Wall Stickers) Tips Pencegahan Jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Dan Demo Survival Jenayah Peringkat Sekolah Dengan Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang Di Bawah Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Sepang

- Penyediaan tips pencegahan jenayah di dinding sekolah yang akan dikenalpasti adalah bersaiz 10 kaki (panjang) dan 8 kaki (tinggi). 'Benchmarking' adalah seperti tips kesihatan di ruangan tangga Majlis Perbandaran Sepang.
- Antara cadangan pengisian program (Ceramah Interaktif) yang akan dilaksanakan diperingkat sekolah kepada pelajar sekolah ialah :

a) Pengenalan - Tren Jenayah Semasa

- *Kesedaran Siber - Peranan media sosial & Kesannya*
- *Tren jenayah siber / jenayah komputer di Malaysia 2018*
- *Keganasan Siber - Apa & Kenapa*
- *Fakta Semasa Aplikasi- Apa yang perlu diketahui ?*
- *Kesan Psikologi (psychological effects)*
- *Ketagihan gajet, siber & Kesannya*
- *Penjenayah Siber*
- *Kenapa sayaMangsa?*
- *Ketagihan & Kesihatan Mental*
- *Jenis-Jenis Jenayah Siber*
- *Kekerapan kes yang dilaporkan*
- *Golongan yang menjadi mangsa*
- *Faktor Terpedaya / penyumbang statistik jenayah siber*

b) Pencegahan dan Survival Jenayah

- *Tips dan pencegahan*
- *Penyelesaian Konflik*
- *Persembahan Audio Visual*
- Program ini dicadangkan diadakan di enam (6) buah sekolah di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang dan perbincangan lanjut dengan pihak pendidikan berkenaan dengan kriteria sekolah yang akan dipilih.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a. Mesyuarat secara dasar bersetuju bagi Cadangan Program 'Policing Community', Penyediaan Ruang (Wall Stickers) Tips Pencegahan Jenayah, Ceramah Interaktif Pencegahan Dan Demo Survival Jenayah Peringkat Sekolah.
- b. Mesyuarat bersetuju supaya mengadakan Mesyuarat dan melantik Jawatankuasa dengan menjemput pihak Polis dan NGO yang terlibat bagi memilih 6 sekolah yang akan terlibat dengan program ini.

Tindakan

***Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang***

*Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat
Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan, MP-Sepang
Bil. 1/2019*

4.2 KERTAS 2 : Cadangan Pelancaran Kebun Kejiranan Desa Pinggiran Putra (Kebun Ikon) Di Bawah Program Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang

- Cadangan pelaksanaan Kebun Kejiranan Desa Pinggiran Putra sebagai kebun perintis adalah selaras dengan Pelan Tindakan Pelaksanaan Kebun Kejiranan (2019-2025) yang telah dipersetujui pada mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat. 'Local Agenda 21' dan Pembangunan Mampan Majlis Perbandaran Sepang Bil.3/2018.
- Kebun kejiranan Desa Pinggiran Putra telah dilaksanakan oleh pihak Persatuan Penduduk Desa Pinggiran Putra Jalan Dua (DPP2) sejak tahun 2016. Tapak kebun kebun terletak di sebahagian dalam rizab rentis TNB berhampiran jalan Pinggiran Putra 2/2.
- Pihak jabatan telah membuat lawatan tapak bersama pihak TNB kerana tapak kebun terletak di dalam rizab laluan rentis. Pihak TNB juga menyokong program ini berdasarkan kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan.
- Cadangan pelancaran Kebun Kejiranan Desa Pinggiran Putra sebagai kebun perintis akan diadakan pada 13 April 2019. Pelancaran akan dibuat di tapak kebun Desa Pinggiran Putra.
- Cadangan kebun kejiranan Desa Pinggiran Putra sebagai kebun perintis dapat dijadikan contoh untuk pelaksana kebun-kebun lain untuk menggerakkan dan menjayakan semula program kebun di bawah program Local Agenda 21.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat memutuskan supaya kelulusan secara TOL diperolehi dahulu daripada Pejabat Daerah dan Tanah Sepang. Tarikh cadangan pelancaran kebun kejiranan yang dijadualkan pada 13 April 2019 adalah tertakluk kepada kelulusan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang serta TNB.

Tindakan
Jabatan Perancangan Bandar (Sekretariat)
Pejabat Tanah Daerah Sepang
Tenaga Nasional Berhad


4.3 **KERTAS 3 : Cadangan Pemakaian Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED / Crime Prevention Through Environmental Design), Bandar Pintar (Smart City) Dan Bandar Rendah Karbon (LCCF) Di Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Bangunan Dan Pelan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang**

- Pihak jabatan juga telah mengadakan Mesyuarat Verifikasi Panduan Pelaksanaan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED), Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar pada 28 Februari 2019. Mesyuarat dihadiri oleh jabatan teknikal dalaman dan luaran seperti berikut:

Bil.	Jabatan Teknikal
1.	Jabatan Perancang Bandar, MPSP
2.	Jabatan Kawalan Bangunan, MPSP
3.	Jabatan Kejuruteraan, MPSP
4.	Jabatan Lanskap, MPSP
5.	Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MPSP
6.	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, MPSP
7.	Unit Pusat Setempat (OSC), MPSP
8.	Tenaga Nasional Berhad
9.	AIR Selangor Sdn. Bhd
10.	Jabatan Pengairan dan Saliran
11.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Malaysia
12.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd
13.	Telekom Malaysia Berhad
14.	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
15.	KDEB Waste Management Sdn. Bhd
16.	Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)

- Ahli Mesyuarat memberi maklumbalas yang positif serta input bagi penambahbaikan terhadap penyediaan laporan panduan pelaksanaan tersebut. Ahli-ahli mesyuarat yang dijemput merupakan jabatan teknikal yang terlibat di dalam proses kebenaran merancang.
- Pemakaian panduan pelaksanaan di dalam proses kebenaran merancang adalah berdasarkan kepada skala pembangunan yang telah ditetapkan di dalam laporan tersebut seperti berikut:
 - ✓ Kurang daripada 50 ekar
 - ✓ 50-247 ekar
 - ✓ Lebih daripada 247 ekar
- Unit Bandar Selamat & Mampan, Jabatan Perancang merupakan unit yang akan dilibatkan di dalam prosedur permohonan kebenaran merancang sediada. Peringkat yang melibatkan unit Bandar Selamat & Mampan adalah di peringkat Pra-Rundingan. Proses permohonan di peringkat Pra-Rundingan adalah seperti berikut:

PROSEDUR DI PERINGKAT PRA-RUNDINGAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG



KEPUTUSAN MESYUARAT

- a. Mesyuarat secara dasar bersetuju terhadap cadangan prosedur pemakaian Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat (CPTED / Crime Prevention Through Environmental Design), Bandar Pintar (Smart City) Dan Bandar Rendah Karbon (LCCF) Di Peringkat Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Bangunan Dan Pelan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang. Walaubagaimanapun, pemakaian ini akan dipraktiskan di peringkat MPSepang dan panduan ini akan diselaraskan dan dikemaskinikan daripada semasa ke semasa.
- b. Laporan akan diedarkan kepada semua Ahli Majlis (Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 & Pembangunan Mampan, MPSepang)

Tindakan
*Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan Teknikal MPSepang & Luaran
Ahli Majlis (Jawatankuasa Bandar Selamat, LA21 &
Pembangunan Mampan MPSepang)*

4.4 **KERTAS 4 : Pelaporan Statistik Kes Dadah, Tren serta Operasi Di Daerah Sepang Bagi Tahun 2018**

- Pembentangan disampaikan oleh Puan Haslina binti Hashim, Ketua Pegawai, Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sepang.

- Definisi Hukuman Seksyen (AADK)

1. **SEK. 6(1)(A)**

OKT diperintahkan menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan yang ditetapkan dalam perintah selama 2 tahun dan selepas itu menjalani pengawasan di bawah seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam perintah selama tempoh 2 tahun

2. **SEK. 6(1)(B)**

OKT diperintahkan di bawah pengawasan seorang pegawai di tempat yang ditetapkan dalam perintah itu selama tempoh tidak kurang daripada 2 dan tidak melebihi 3 tahun

3. **SEK. 8(3)(A)**

OKT menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan selama tempoh 2 tahun dan selepas itu menjalani pengawasan oleh seorang pegawai selama 2 tahun.

4. **SEK. 8(3)(B)**

OKT diletakkan dibawah pengawasan seorang Pegawai Pemulihan bagi tempoh tidak kurang dari 2 dan tidak lebih dari 3 tahun dan dijadikan tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan oleh Pegawai Pemulihan perlu atau bermanfaat untuk maksud rawatan dan pemulihan orang itu.

5. **SEK. 38B**

OKT yang dijatuhkan hukum atas kesalahan di bawah Sek. 15 ADB 1952 dan disifatkan telah ditempatkan di bawah pengawasan di bawah perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 6 APD 1983

- Statistik Ke Pengawasan (Januari - Disember 2018) Daerah Sepang diperincikan seperti jadual berikut :

MUKIM	6 (1)(a)	6(1)(b)	8(3)(a)	8(3)(b)	38B	JUMLAH
DENGKIL	8	24	8	0	33	73
SEPANG	5	22	5	0	48	80
LABU	7	14	5	1	33	60
JUMLAH						213

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a. Mesyuarat secara dasarnya Mengambil maklum statistik yang dikemukakan oleh pihak AADK Daerah Sepang. Statistik pada tahun 2018 menunjukkan OKT (Orang Kena Tangkap) yang letakkan di bawah pengawasan di Daerah Sepang adalah berjumlah 213 orang.
- b. Mesyuarat juga bersetuju dengan Pihak AADK yang memohon kerjasama daripada semua pihak supaya berkongsi dan membuat hebahan nombor HOTLINE AADK: 0196262233 / 03-89112233 sekiranya terdapat kes-kes yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

*Tindakan
AADK Daerah Sepang
Semua Agensi , NGO dan Ahli Mesyuarat*

4.5 **KERTAS 5 : Pelaporan Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Serta Statistik Kemalangan Jalanraya Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2018 (Januari hingga Oktober 2018) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD Sepang)**

- Statistik Kes Jenayah Jalanan dan Jenayah Harta Benda Bagi Tahun 2018 secara perbandingan dengan Tahun 2017. Perincian adalah seperti berikut:

BIL	JENIS KESALAHAN / TAHUN	JUMLAH KES JENAYAH INDEKS		
		2017	2018	PERBANDINGAN
1	BUNUH	6	3	-3
2	ROGOL	14	26	12
3	SMN B'KWN B'S/API	2	0	-2
4	SMN B'KWN T/B/S'API	83	62	-21
5	SMN BERSENJATAPI	0	0	0
6	SMN T/SENJATAPI	27	21	-6
7	CEDERA (324-326)	53	52	-1
8	CURI	246	153	-93
9	CURI M/KAR	47	43	-4
10	CURI M/SIKAL	170	138	-32
11	CURI M/VAN/LORI	14	11	-3
12	CURI RAGUT	0	0	0
13	PECAH RUMAH CURI	120	111	-9
JUMLAH KESELURUHAN		2799	2638	-161

- Statistik Kes Kemalangan Jalan Raya yang melibatkan kemalangan maut dan kematian Bagi Tahun 2018 secara perbandingan dengan Tahun 2017. Perincian adalah seperti berikut:

Daerah	Jum. Kemalangan		Beza	%	Kemalangan Maut		Beza	%	Kematian		Beza	%
	2017	2018			2017	2018			2017	2018		
Selangor	8,906	7,843	-1,063	-11.9	74	62	-12	-16.2	78	66	-12	-15.4

KEPUTUSAN MESYUARAT :

- Mesyuarat mengambil maklum statistik yang dikemukakan oleh pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang. Statistik pada tahun 2018 menunjukkan terdapat pengurangan kes jenayah samada yang melibatkan jenayah jalanan dan jenayah harta benda.
- Statistik kes kemalangan juga didapati menurun sebanyak 16.2 peratus berbanding tahun 2017.
- Pengerusi menegaskan bahawa peranan dan tindakan perlu diambil sewajarnya bagi memastikan kempen Tahun Melawat Sepang 2020 berjalan dengan lancar dengan memastikan kes-kes pencegahan jenayah serta kemalangan dapat dikurangkan melibatkan pelbagai agensi. Peranan ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab tetapi melibatkan semua pihak seperti JPJ, Imigresen, AADK dan lain-lain agensi penguatkuasaan yang lain.

Tindakan
PDRM / IPD Sepang
Semua Agensi di Peringkat Daerah Sepang

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Memohon Operasi Kenderaan Berat Oleh Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Selangor Terhadap Lori Yang Membawa Muatan Tanah Berlebihan Di Kawasan Putra Perdana

Ahli Majlis Putra Perdana (Encik Rushdan) memohon supaya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya lebih kerap melakukan operasi kenderaan berat yang mempunyai pendaftaran PNB118 yang memasuki Jalan MEX Highway kerana membawa lori dan muatan tanah secara berlebihan yang menyebabkan tanah-tanah jatuh di jalan khususnya di kawasan Putra Perdana

Tindakan
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor

5.2 Dasar-Dasar Baru Oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya / Kementerian Pengangkutan

Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) memaklumkan terdapat dasar baru berhubung keselamatan jalan raya yang akan dikuatkuasakan oleh Kementerian Pengangkutan. Antaranya adalah seperti berikut :

- i. Silibus pembelajaran berkaitan keselamatan jalan raya yang akan dimasukkan dalam buku bahasa melayu untuk di perkenalkan kepada para pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah ;
- ii. Penggunaan 'Car Seat' untuk kanak-kanak kecil akan diwajibkan bermula Tahun 2020. Kes-kes kemalangan yang melibatkan anak-anak kecil sebelum ini adalah kerana tidak mempunyai 'Car Seat' yang akhir menyebabkan ia tercampak keluar daripada kenderaan.
- iii. Kajian pengambilan lesen akan dikaji semula dimana kebenaran untuk memiliki lesen dinaikkan daripada umur 16 tahun kepada umur 18 tahun bagi lesen motosikal. Manakala bagi kenderaan bermotokar masih dikekalkan. Ini bagi mengelakkan berlaku kemalangan dikalangan remaja dan pendedahan perlu diperluaskan kepada remaja.

Tindakan
Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Selangor
Kementerian Pengangkutan Malaysia

5.3 Isu Kawalan Penggunaan Gajet Tidak Terkawal Yang Menyumbang Kepada Peningkatan Kes Jenayah Bawah Umur

- Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia memaklumkan kes penggunaan telefon pintar tanpa kawalan (Gajet Pintar) ini menunjukkan antara faktor yang menyumbang kepada jenayah bawah umur dikalangan kanak-kanak.
- Usaha pelayaran web Pornografi di kalangan remaja dan juga orang dewasa dilihat semakin meningkat. Kesan ini juga membawa kepada masalah sosial dan terdapat banyak isu yang melibatkan kanak-kanak yang semakin menakutkan para ibu bapa kesan daripada pengguna gajet yang tidak terkawal. Oleh itu, pihak yang terlibat perlu berganding bahu bagi mengatasi masalah dan melihat punca kepada berlakunya perkara .

Tindakan
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
Polis Diraja Malaysia
Majlis Perbandaran Sepang

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 5.00 petang